

## **LKTN rampas lebih tiga tan tembakau awet di Machang**

Tarikh kemaskini: 20/01/2020

KOTA BHARU, 20 Jan -- Penguatkuasaan bersama antara Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dengan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) Kelantan membuahkan hasil apabila berjaya merampas 3,594 kilogram tembakau awet dianggarkan bernilai RM100,000.

Ketua Pengarah LKTN, Samsuddin Noor berkata, rampasan berkenaan dilakukan pada 12 Jan lepas di Kampung Pangkal Jenereh, Machang hasil pemantauan selama seminggu selain maklumat orang awam namun tiada tangkapan dilakukan.

"Dalam serbuan itu, kita bersama-sama AKSEM berjaya menemui 179 plastik berisi tembakau yang sudah diawet yang diletakkan di dalam semak. Hasil pemeriksaan mendapati ia adalah Tembakau Awetan Matahari dan Tembakau Awetan Pemanas," katanya kepada pemberita pada sidang media di pejabat LKTN di sini, hari ini.

Samsudin berkata, tembakau yang dirampas itu disyaki dibawa masuk dari negara jiran secara sedikit-sedikit untuk dijual di pasaran tempatan selain kemungkinan ia dipasarkan ke negeri Pantai Barat atau Selatan Semenanjung untuk mengaut keuntungan lebih tinggi.

"Perbuatan ini adalah satu kesalahan menurut Seksyen 51(1) Akta LKTN 2009 yang memperuntukkan bahawa tiada seorangpun boleh menyimpan atau mempunyai dalam miliknya tembakau diawet melainkan telah mendapatkan kebenaran bertulis daripada LKTN terlebih dahulu.

"Individu atau syarikat yang gagal mendapatkan kelulusan bertulis daripada LKTN, boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan," katanya.

-- BERNAMA